

## **ISU PENGLIBATAN WANITA MUSLIMAH DALAM MISI SUMUD 2.0**

Oleh :

**PROF. MADYA DR. AZMIL BIN ZAINAL ABIDIN**

Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

### **Pendahuluan**

Islam tidak menghalang penglibatan aktif pihak wanita muslimah dalam misi kebajikan, apatah lagi aktiviti bersolidariti dengan saudara seIslam yang hebat menerima ujian di bumi Palestin. Bahkan, perkembangan kalangan selebriti menyertai gerakan kesedaran terhadap jihad Palestin amat dipuji, apatah lagi mereka menjadi contoh bagi generasi muda yang sebelum ini hebat diasak budaya hedonisme barat yang menjadikan keseronokan yang melalaikan sebagai matlamat hidup.

Tragedi penindasan umat Palestin amat menagih pembelaan segenap saudara dan saudari seIslam tanpa kecuali, manakala musuh yang dihadapi adalah rejim Zionis yang dimaklumi kental permusuhannya terhadap umat Islam. Justeru, idealisme murni tersebut wajar diimbangi dengan panduan syarak tanpa terdedah kepada pintu fitnah dari sudut yang lain. Antara isu yang mengundang kontroversi ialah isu jaminan keselamatan dan maruah para peserta wanita muslimah dan isu keutamaan dalam konteks tanggungjawab kekeluargaan.

Sebagai bimbingan pencerahan, artikel ini menyokong kejelasan nasihat dan sikap kalangan sarjana dan agamawan yang menekankan aspek pematuhan neraca syarak berhubung isu ini. Tanpa memenuhi syarat menurut panduan tersebut, maka dikhuatiri jerih-payah lagi berisiko tinggi ini tidak bernilai di sisi Allah, bahkan lebih malang lagi jika sebaliknya ia mengundang pula kemurkaan-Nya yang merugikan di akhirat kelak, meskipun mungkin dipandang baik dan terpuji di mata dunia.

### **Memelihara Maruah Dan Kehormatan Wanita Muslimah**

Antara syarat utama ialah kesedaran dan kewaspadaan para peserta wanita muslimah agar maruah serta kehormatan diri mereka sentiasa berada di tahap tertinggi. Perlu dipastikan bahawa aurat mereka ditutup dengan sempurna sebagaimana batas dan adab pergaulan dengan lelaki ajnabi khasnya sentiasa kekal terpelihara sepanjang berada dalam misi tersebut. Hal ini kerana Islam amat memelihara kehormatan dan kemuliaan harga diri wanita muslimah.

### **Beberapa Kisah Memelihara Maruah Wanita Muslimah**

Tidakkah kita mengimbuai pengajaran penting dalam episod sejarah silam apabila khalifah al-Mu'tasim bertindak tegas terhadap kalangan Romawi yang memperlecehkan seorang wanita muslimah apabila auratnya tersingkap di pasar? Baginda menyahut panggilan wanita muslimah tersebut apabila diserukan permintaan bantuan, "*Wa Mu'tasimah!*" (Wahai Khalifah Mu'tasim, di manakah engkau?). Mahalnya maruah seorang wanita muslimah menurut kaca mata Islam.

Kisah tersebut perlu difahami sebagai sikap Islam dalam memartabatkan kedudukan wanita muslimah dalam segenap bidang kehidupan. Islam mengiktiraf penglibatan dan sumbangan mereka dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara tanpa mengabaikan atau mengorbankan kehormatan dan kemuliaan diri. Jauh mendahului peradaban barat di bidang kejururawatan, Rufaidah binti Sa'ad al-Aslamiyyah misalnya tampil sebagai pelopor ikon perubahan sosial dan misi kemanusiaan dengan khidmat merawat tentera Islam yang luka.

### **Perbezaan Taklif Syarak ke Atas Lelaki dan Perempuan**

Keprihatinan Islam terhadap martabat wanita muslimah dilatari oleh hikmah penciptaan lelaki dan perempuan yang berbeza dari segi fizikal, fisiologi dan psikologinya. Firman Allah dalam Surah Ali 'Imran, ayat 36 :

...وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ...

*"Dan sememangnya tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan ."*

Perbezaan bentuk taklif syarak ke atas lelaki dan perempuan adalah cerminan kepada perbezaan tersebut. Setiap gender atau jantina tersebut mempunyai peranan dan kewajipan yang sesuai dengan fitrah kejadian dan tabii penciptaannya masing-masing.

Perkongsian bersama antara lelaki dan perempuan dalam makna keinsanannya dibezakan pula oleh fitrah kejadian dan tabii penciptaan kedua-duanya, sekaligus membezakan pula hak dan kewajipan masing-masing. Kedua-duanya mempunyai tugas asasi, khasnya berhubung pembentukan institusi keluarga yang menjadi asas pembinaan masyarakat. Keutuhan masyarakat berkait rapat dengan kukuh institusi keluarga yang berpaksikan induk keibuannya. Perspektif yang memandang ringan kepentingan fungsi wanita dalam berkeluarga adalah terkesan dengan ketempangan falsafah asing yang gagal menempatkan posisi lelaki dan perempuan secara adil.

### **Jihad Wanita Tanpa Peperangan Memenuhi Fitrah Mereka**

Sesuai dengan ciri kewanitaannya, Islam tidak mewajibkan jihad memerangi musuh kafir ke atas perempuan, lantaran kelemahan dan ketidakupayaannya memikul beban dalam operasi ketenteraan. Sebaliknya, baginda Nabi SAW menyatakan bahawa jihad bagi wanita adalah jihad tanpa disertai peperangan di dalamnya iaitu haji dan umrah. Antaranya, hadis Nabi SAW:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لَا  
قِتَالَ فِيهِ : الْحُجُّ وَالْعُمْرَةُ

*“Aku (Aisyah) berkata: Apakah terdapat jihad ke atas golongan wanita? Baginda menjawab: Jihad tanpa peperangan di dalamnya iaitu (ibadat) haji dan umrah”.* (Riwayat Ibn Majah, 2901)

Hal ini kerana haji menuntut pengorbanan fizikal, mental, harta dan kesabaran yang menjadi bentuk jihad yang sesuai dengan fitrah wanita.

### **Mudahnya Wanita Memasuki Syurga**

Antara rahmat ajaran Islam, baginda SAW menjelaskan bahawa wanita memiliki jalan ke syurga yang lebih mudah berbanding lelaki jika mereka menjaga kewajipan asas. Antaranya, hadis:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا صَلَّتِ الْمَرْأَةُ  
حَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَصَّنَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا، قِيلَ لَهَا : ادْخُلِي الْجَنَّةَ  
مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ

*“Apabila seorang wanita solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menjaga kehormatannya dan taat kepada suaminya, maka akan dikatakan kepadanya: Masuklah ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang engkau kehendaki”.* (Riwayat Ahmad, 1661)

### **Beberapa Syarat Yang Perlu Dipenuhi Wanita Muslimah Sebelum Misi Kemanusiaan di Zon Kritikal**

Dalam konteks Misi Sumud, secara asasnya, hukum penglibatan wanita muslimah bukan wajib, bahkan hukumnya adalah harus dengan syarat-syarat tertentu. Ia lebih berupa bantuan kemanusiaan, bukan jihad peperangan. Wanita muslimah yang ingin menyertainya perlu memastikan jaminan keselamatan, mematuhi batas hukum syariat serta mempunyai peranan yang jelas dan bermanfaat. Wanita muslimah yang telah berkeluarga pula perlu meminta izin suami, lantaran tugas utama mereka adalah sebagai isteri dan ibu kepada anak-anaknya. Jika tugas asasi ini gagal disempurnakan, bagaimana kebajikan dapat dilakukan di luar lingkungan keluarganya?

### **Kesimpulan dan Saranan**

Islam tidak pernah menganiaya golongan wanita muslimah dengan mengenakan syarat-syarat ini. Sebaliknya, garis panduan syarak tersebut direncanakan selaras dengan fitrah kejadiannya sebagaimana yang telah dibincangkan. Seiring dengan cabaran semasa yang semakin kompleks, pertimbangan *fiqh al-ma'alat* dan *fiqh al-awlawiyyat* amat diperlukan dalam konteks ijtihad semasa. Tafsiran sebenar tentang wanita muslimah dan peranannya menurut perspektif Islam juga amat mendesak diketengahkan agar mereka tidak tersasar dari agama akibat tafsiran songsang dan mesra liberal.

Tarikh : 14 April 2026

No Siri : 6/2026